



PEMBERITAHUAN

AWAS PANGGILAN DAN SMS SCAM DARIPADA INDIVIDU YANG MENYAMAR SEBAGAI PEGAWAI AGENSI KERAJAAN

CYBERJAYA, 1 Jun 2022 --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ingin mengingatkan orang ramai untuk berwaspada dengan panggilan atau SMS dari individu atau nombor yang menyamar sebagai pegawai daripada badan agensi kerajaan.

MCMC ingin menasihatkan orang ramai untuk mengambil langkah berjaga-jaga seperti berikut:

- i. Jangan panik apabila menerima panggilan atau SMS dari nombor yang tidak dikenali. Sebaliknya, bawa bertenang;
- ii. Putuskan panggilan dan abaikan SMS tersebut;
- iii. Jangan sesekali mengikut arahan pemanggil atau penghantar SMS;
- iv. Jangan dedahkan maklumat peribadi anda kepada pemanggil atau penghantar SMS;
- v. Cabar pemanggil berkenaan untuk mengesahkan maklumat;
- vi. Tulis butiran pemanggil atau penghantar SMS (merangkumi nombor talian dan nama) bagi tujuan rekod sekiranya diperlukan;
- vii. Laporkan panggilan dan SMS tersebut kepada pihak Polis untuk tindakan;
- viii. Kongsikan juga pengalaman anda dengan keluarga dan rakan, sebagai usaha memberikan kewaspadaan agar mereka tidak menjadi mangsa panggilan dan SMS yang tidak dikenali.

Sekiranya anda telah menjadi mangsa *scam*, orang dinasihatkan untuk segera melaporkan kepada pihak polis atau merujuk kepada CCID Scam Response Center di talian 03-2610 1159 atau 03-2610 1599.

www.mcmc.gov.my